

Ahmad Zahid hargai kepercayaan PM Najib
Astro Awani
Sept 20, 2016

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, atas kepercayaan dan keyakinan yang diberikan untuk beliau mewakili negara pada Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York.

Mengambil perkara itu sebagai satu pengiktirafan dan tanggungjawab buat dirinya, Timbalan Perdana Menteri itu berkata mewakilkan Najib dalam persidangan itu memberi pendedahan kepadanya untuk berada di pentas antarabangsa.

"Pada hemat dan bacaan saya, beliau (Najib) mahu memberi pendedahan dan kepercayaan kepada saya untuk berada di pentas antarabangsa kerana ada yang mempertikaikan saya masih belum layak untuk mejadi pembantu beliau kerana saya tidak mendapat pendedahan di peringkat antarabangsa.

"Padahal sewaktu saya jadi Menteri Pertahanan saya telah mempengerusikan banyak majlis yang dihadiri menteri-menteri pertahanan antarabangsa dan juga di beberapa persidangan antarabangsa lain.

"Tetapi Alhamdulillah dengan pendedahan yang diberikan PM, saya tidak perlu riak dan takbur, ia menjawab sendiri fitnah dan kata-kata negatif yang dipalingkan kepada saya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya berhubung sesetengah pihak yang mempersoalkan perwakilan beliau pada persidangan tersebut dalam program Bicara Khas Bersama Timbalan Perdana Menteri di *RTM* yang dihoskan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar, malam tadi.

Beliau turut menjelaskan bahawa bukan sesuatu perkara luar biasa apabila beliau selaku timbalan perdana menteri ditugaskan mengetuai delegasi negara kerana banyak negara lain yang menghantar wakil bagi mewakili ketua negara dan kerajaan masing-masing.

Ahmad Zahid tiba di New York pada Sabtu untuk mengetuai perwakilan Malaysia ke sesi ke-71 UNGA itu. - BERNAMA

Tag: [Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu](#), [UNGA](#), [Najib Razak](#), [Zahid Hamidi](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ahmad-zahid-hargai-kepercayaan-pm-najib-117171>